

16 AUG 2001
Negara-Tanggung
SIDANG DEWAN NEGARA DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Persidangan Dewan Negara hari ini ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan selepas bersidang selama lapan hari.

Sebanyak 21 Rang Undang-undang diluluskan sepanjang tempoh persidangan itu.

Antara yang diluluskan ialah Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001, Rang Undang-Undang Kesihatan Mental 2001, Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2001) 2001, Rang Undang-Undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No.2) 2001, Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2001.

Sementara itu, persidangan kali ini juga menjadi penampilan akhir Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman dan Senator Datuk Faridah Abu Hassan yang tamat tempoh dua penggal sebagai anggota dewan itu.

Aziz yang juga Presiden Kelab Senator merupakan antara anggota Dewan Negara yang banyak memainkan peranan aktif ketika persidangan dengan aktif mengemukakan soalan dan pandangan.

Datuk Faridah tidak menyertai persidangan hari ini kerana mengiringi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yemen.

Hari ini juga merupakan hari terakhir bagi Senator Datuk William Lau Kung Hui setelah menamatkan tempoh satu penggal.

Senator Datuk Ghazi Ramli yang mewakili anggota lain mengucapkan terima kasih terhadap sumbangan Aziz dan William ketika menyertai persidangan dewan itu.

-- BERNAMA
FA RZS MOZ